

Headline	Lelaki lebih ramai melacur daripada wanita di Sweden		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Nov 2012	Color	Full Color
Section	Dunia	Circulation	115,967
Page No	45	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	59 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 513
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,539



Lelaki lebih ramai melacur daripada wanita di Sweden

STOCKHOLM - Lebih ramai lelaki muda terlibat dalam aktiviti pelacuran berbanding wanita di Sweden, menurut satu kajian yang disiarkan kelmarin.

Kajian itu dilakukan Lembaga Hal E-hwal Golongan Muda Kebangsaan Sweden.

Hasil kajian itu mendapati 2.1 peratus lelaki yang berumur dalam lingkungan 16 hingga 25 tahun mengaku mereka melacurkan diri pada tahun ini berbanding wanita sebanyak 0.8 peratus.

"Kami menghadapi kesukaran untuk memahami mengapa bilangan golongan lelaki mengatasi wanita," kata jurucakap lembaga tersebut, Marie Nyman.

Seorang wakil Persatuan Pendidikan Seksualiti Sweden memberitahu agensi berita *TT* bahawa golongan lelaki gay mungkin lebih mudah berminat dengan seks sebagai pertukaran untuk mendapatkan minuman bir dan kad prabayar mereka. - AFP